

## **SUMBANGAN TOK GURU HAJI ABBAS DALAM PENUBUHAN SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN**

*SITI ZALEHA IBRAHIM*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
[sitizaleha@kuis.edu.my](mailto:sitizaleha@kuis.edu.my)

*PHAYILAH YAMA*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
[phayilah@kuis.edu.my](mailto:phayilah@kuis.edu.my)

*MOHD FAISAL MOHAMED*  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
[mohdfaisal@usim.edu.my](mailto:mohdfaisal@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Penulisan ini mengkaji latar belakang tokoh ulama Melayu yang bernama Tok Guru Haji Abbas. Beliau merupakan perintis salah sebuah sekolah kluster kecemerlangan di Terengganu. Beliau telah menubuhkan Pondok Tok Jiring pada tahun 1953 dan kini pondok tersebut telah dinaiktaraf menjadi salah sebuah sekolah kluster kecemerlangan terkenal di negeri Terengganu. Sekolah yang dimaksudkan ialah SMKA Dato' Haji Abbas. Kajian ini membincangkan sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan. Kajian menggunakan satu metode yang utama iaitu kajian kepustakaan bagi mendapatkan latar belakang tokoh, pendidikan beliau dan sumbangannya dalam bidang pendidikan di Terengganu. Selain itu, kajian turut mengenalpasti mereka yang pernah berguru dengan tokoh. Hasil kajian mendapati bahawa Tok Guru Haji Abbas bukan sahaja perintis kepada Pondok Tok Jiring malahan turut mengasaskan beberapa tempat belajar di Terengganu dan Kelantan di samping menghasilkan beberapa karya ilmiah.

**Kata kunci:** Melayu; perintis; SMKA Dato' Haji Abbas; Terengganu; Tok Guru Haji Abbas.

### **THE CONTRIBUTION OF TOK GURU HAJI ABBAS TOWARDS THE ESTABLISHMENTS OF SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN**

#### **ABSTRACT**

This research reports on the background of a significant Malay Islamic scholar; Tok Guru Haji Abbas. He is the pioneer of one of the *Sekolah Kluster Kecemerlangan in Terengganu*. In 1953, he started *Pondok Tok Jiring* (*Pondok*: religious school) that has been elevated to one of the most prestigious *Sekolah Kluster Kecemerlangan in Terengganu*. The school was named SMKA Dato' Haji Abbas. This research discusses the contribution of Tok Guru Haji Abbas in the educational field. This research uses library research as the primary method in obtaining research data such as his demographic, educational background, and his contribution in the educational field in Terengganu. Besides that, it also identifies those who have been learning

ISSN 1675-7513

from him. The findings show Tok Guru Haji Abbas was the one who started a few educational institutions in Kelantan and Terengganu besides *Pondok Tok Jiring*, and published countless academic publications.

**Keywords:** Malay; pioneer; SMKA Dato Haji Abbas; Terengganu; Tok Guru Haji Abbas.

## PENGENALAN

Pendidikan Islam yang sistematik di Terengganu telah diasaskan oleh Tok Pulau Manis sejak abad ke 17M. Jika diamati, Terengganu merupakan sebuah negeri yang berjaya melahirkan ramai ulama terkemuka seperti Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau Tok Pulau Manis (w. 1736), Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim atau Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas (w. 1864), Syed Mohamad bin Zainal Abidin al-Idrus atau Tok Ku Tuan Besar (w. 1878), Haji Wan Abdullah bin Wan Mohamad Amin atau Tok Syeikh Duyung (w. 1889) dan lain-lain (Rohaizan Baru, 2016).

Pendidikan Islam makin berkembang dengan pesatnya di Terengganu pada abad 20. Tokoh yang terkemuka pada zaman tersebut adalah seperti Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani (w. 1910), Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Idrus atau Tok Ku Paluh (w.1917), Tuan Guru Haji Hussain (w.1917), Tuan Guru Haji Umar Kampung Raja (w.1941), Tuan Guru Haji Mat Syafi'i Losong (w. 1945), Faqih Abdullah atau Tok Faqir Kuala Berang (w.1966), Tuan Guru Haji Abdul Latif, Alor Keladi (w. 1970), Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain (w. 1971), Haji Zainal Abidin Dungun (w.1977), Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif Jertih (w.1989) dan Tok Guru Haji Abbas (w. 1997) dan lain-lain (Rohaizan Baru, 2016).

Penulisan ini akan mengkaji salah seorang tokoh ulama Melayu Terengganu iaitu Tok Guru Haji Abbas Mohamad. Beliau berketurunan Melayu, iaitu sebuah kaum atau suku yang merupakan penduduk asal berketurunan Austronesia yang menetap di Asia Tenggara (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Melayu>).

## OBJEKTIF

Terdapat dua objektif utama dalam kajian. Objektif pertama kajian adalah untuk mengenalpasti sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan. Selain itu, kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti guru-guru tokoh dan mereka yang pernah berguru dengan tokoh.

## METODOLOGI

Metodologi penyelidikan adalah kaedah yang akan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Penggunaan metodologi penyelidikan yang betul amat mempengaruhi dalam penghasilan kajian ilmiah. Dalam erti kata lain, penyelidikan yang berkualiti akan dapat dihasilkan sekiranya metodologi yang digunakan adalah tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini melibatkan pencarian bahan rujukan di perpustakaan dan tidak melibatkan aktiviti lapangan. Ia tidak memerlukan kos yang tinggi dan lebih menjimatkan masa. Namun, metodologi ini

adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan ia hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan.

Pencarian bahan rujukan meliputi segala aspek kajian seperti latar belakang tokoh dan keluarga, latar belakang pendidikan dan pengajaran serta sumbangan tokoh kepada masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan.

### **LATAR BELAKANG TOKOH DAN KELUARGA**



RAJAH 1: Tok Guru Haji Abbas

Tok Guru Haji Abbas Mohamad dilahirkan di Kampung Bukit Puteri, Kuala Besut pada awal tahun 1910-an. Beliau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru Haji Abbas. Panggilan itu adalah kerana kealimannya yang diketahui umum khususnya dalam bidang ilmu fiqh yang merangkumi 4 mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie, dan Hanbali (<http://ihyaaturaathina.blogspot.my/2013/09/anekdote-ulama-53-tok-guru-haji-abbas.html>).

Beliau mempunyai 15 orang anak. Dua orang daripadanya meneruskan pendidikan pondok dan pengajaran dari surau ke surau. Mereka ialah Abdul Aziz dan Siti Rahmah. Anak perempuan beliau ini turut melalui proses pembelajaran dengan Tok Guru dan sehingga kini masih lagi aktif menyambung aktiviti penyebaran ilmu dengan mengadakan pengajaran dari surau ke surau (<http://smkatj2010.blogspot.com/>).

### **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

Jika diteliti terdapat banyak pondok di Terengganu pada abad 20M (Rohaizan Baru, 2006). Pengajian berasaskan pondok mendapat tempat dalam kalangan penduduk ketika itu. Jadi tidak hairanlah Tok Guru Haji Abbas turut mendapatkan pendidikan berasaskan pondok.

Pendidikan awal beliau bermula di Kuala Besut, sebuah mukim yang terdapat di Besut iaitu di Pondok Haji Mohd bin Haji Hussein. Kewujudan pondok di Besut mempunyai kaitan

dengan kehadiran ulama Patani yang berulang alik dari Patani ke Besut. Mereka kemudiannya telah menetap dan terus mengajar di Besut (Faizuri Abd Latif, 2006).

Kemudian ketika berusia 14 tahun beliau telah melanjutkan pelajaran ke Mekah. Pengajiannya di Mekah ini mengambil masa selama 8 tahun. Kemudian, beliau ke India pula bagi menyambung pengajian di Universiti Al-Jamiah Al-Islamiah, Gujerat ketika berusia 22 tahun. Setelah pulang ke tanah air, 4 tahun kemudian beliau datang kembali ke Benua Kecil Hindi untuk meneruskan pengajiannya di Universiti Darul Ulum Deoband selama 1 tahun iaitu pada tahun 1938. Pada ketika itu, universiti yang dimaksudkan ialah madrasah. Sistem yang digunapakai ketika itu masih tradisional dan bukan sistem universiti moden (<http://ihyaatūraathina.blogspot.my/2013/09/anekdot-ulama-53-tok-guru-haji-abbas.html>).

Tok Guru juga dikatakan sebagai orang yang pertama mendalami pengajian hadis berbanding daripada ulama-ulama yang lain. Ini terbukti apabila Tok Guru Haji Abbas telah beberapa kali berulang alik ke India bagi mendalami bidang hadis. Semasa di India, beliau memberikan penumpuan khusus mengaji dalam bidang Hadis dengan mempelajari kitab-kitab utama Hadis seperti kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud dan Sunan al-Tirmidhi (Che Alias, 1991).

## **GURU-GURU TOKOH**

Tok Guru Haji Abbas telah berguru dengan ramai guru baik di Tanah Melayu mahupun di Mekah. Antara guru beliau yang tersohor di Terengganu ialah Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain dan Tuan Guru Omar Ahmad. Sementara di Mekah Tok Guru Haji Abbas telah berguru dengan Syeikh Said Yamani, Syeikh Mohamad Patani Syeikh Mokhtar Jawa dan Syeikh Ali Maliki. Berikut dihuraikan sedikit latar belakang guru beliau.

Yang pertama adalah Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain di Kuala Besut. Beliau dilahirkan pada 1880 di Tnat Dang, Yala, Patani. Beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahnya. Kemudian beliau menyambung pelajarannya ke Mekah. Beliau sempat bertemu dengan Tok Kenali ketika berada di sana. Pada tahun 1917, beliau telah berpindah ke Besut. Beliau telah mengajar di surau Kuala Besut. Kemudian beliau telah membuka pondok dan menjadikan masjid Kuala Besut sebagai pusat pengajian pondok. Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain sangat terkenal dalam bidang fiqh. Beliau meninggal dunia pada tahun 1971 (Mohd Zainodin Mustaffa et al, 2017).

Selain itu, Tok Guru Haji Abbas juga pernah berguru dengan Tuan Guru Omar Ahmad (Tuan Guru Besut Terengganu). Nama sebenar beliau ialah Omar Bin Che Ahmad Bin Chek Wan Bin Che Latif Bin Che Wan Che Chik Bin Che Wan Che Darjah Bin Che' Wan Che Latif Bin Che Wan Che Jenal Bin Che Wan Che Hamat. Beliau dilahirkan pada 1878 dan meninggal pada tahun 1941 pada usia 63 tahun. Tuan Guru Omar dikatakan sebagai seorang pengurus pondok yang sangat warak di samping memiliki banyak kelebihan tersendiri. Beliau telah melahirkan ramai ilmuwan, ulama dan ahli politik yang terkenal (Faizuri Abd Latif, 2006).


Dalam sistem pengajian pondok, Tuan Guru Omar Ahmad telah membahagikan masa pembelajaran kepada tiga waktu iaitu selepas solat Subuh, selepas solat Zohor dan selepas solat Isyak. Pada sebelah malam, terdapat beberapa kitab yang dipelajari termasuklah *Matla' al-Badrayn* (Faizuri Abd Latif, 2006). Kitab *Matla' al-Badrayn* merupakan kitab Fikah yang mudah difahami kerana metodologi penulisannya amat baik. Kitab yang dikarang oleh Syeikh

Muhammad bin Ismai al-Fathani itu mengemukakan definisi kepada setiap topik fikah secara ringkas dan menonjolkan kaedah-kaedah fikah. Selain itu, Sheikh Muhammad juga bersifat terbuka dalam menerima pandangan-pandangan yang berbeza. Bagi setiap pendapat yang dikemukakan pula disokong oleh hujah dan dalil (Muhammad Adib Samsuddin et al, 2010).

### **ANAK-ANAK MURID TOKOH**

Tok Guru Haji Abbas juga melahirkan ramai anak murid yang berjaya. Berikut adalah huraian bagi dua orang anak muridnya iaitu Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Haji Lambak bin Ibrahim.

Seperti yang dimaklumi, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah seorang tokoh ulama yang sangat hebat, berwibawa serta disegani umum. Beliau bukan sahaja hebat dalam bidang agama tetapi juga merupakan seorang tokoh politik. Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz sepanjang hayatnya mendapat gelaran Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau merupakan bekas Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 sehingga 2015.



RAJAH 2: Tuan Guru Nik Aziz

Tuan Guru Nik Aziz mula menadiah ilmu dengan Tok Guru Haji Abbas pada tahun 1940 iaitu ketika usianya 9 tahun. Pada ketika itu, beliau belajar di pondok Madrasah Ittifaqiyah, Jertih, Besut, Terengganu. Tuan Guru menuntut ilmu di situ selama setahun sehingga peperangan Jepun berlaku dan pengajian dihentikan buat seketika ([http://kakyonghy.blogspot.my/2015\\_02\\_01\\_archive.html](http://kakyonghy.blogspot.my/2015_02_01_archive.html)).

Tuan Guru Nik Aziz juga sentiasa merujuk kepada Tok Guru Haji Abbas supaya menganjurkan tempat belajar yang harus dituju apabila beliau ingin melanjutkan pengajian. Ini termasuklah Darul Ulum Deoband di India ([http://tikimambang.blogspot.my/2016/06/tok-guru-haji-abas-guru-agama-dan\\_27.html](http://tikimambang.blogspot.my/2016/06/tok-guru-haji-abas-guru-agama-dan_27.html)).

Tuan Guru Nik Aziz walaupun sibuk dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Menteri Besar Di Selangor, beliau juga berjaya menghasilkan karya penulisan. Antara karya Tuan Guru adalah Bertemu Janji Allah, Taqwa, Bunga Kebahagiaan dan lain-lain lagi. Buku yang dikarang oleh beliau amat membantu umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian dengan baik. Sebagai contoh, buku yang berjudul Taqwa. Buku ini menerangkan maksud taqwa dalam erti kata yang mendalam. Taqwa ialah segala amalan yang ada terkait dengan

akal, roh dan terhubung dengan Allah, dilakukan kerana Allah dan mengikut cara yang Allah kehendaki (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2015).

Salah seorang lagi pelajar Tok Guru Haji Abbas yang masih lagi aktif meneruskan perjuangan Tok guru ialah Haji Lambak bin Ibrahim. Beliau merupakan menantu kepada Tok guru. Beliau telah menuntut ilmu dengan tok guru sejak remaja dan telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Deabond. Sekembali ke Malaysia beliau meneruskan pembelajaran dengan Tok guru sehingga Tok guru menghembuskan nafas terakhir. Semasa berguru dengan Tok guru, beliau sendiri sempat belajar kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Nasa'i dan Muwatta' Malik (Rohaizan Baru, 2006).



RAJAH 3: Haji Lambak bin Ibrahim

Hingga kini, beliau masih lagi aktif menghidupkan surau yang dibina oleh Tok guru sendiri, iaitu Surau Haji Abbas. Surau ini terletak di Kampung Tok Jiring, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman. Haji Lambak mengadakan kelas-kelas pengajian pada setiap hari kecuali Jumaat dan Sabtu bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Kelas pengajiannya meliputi aktiviti membaca kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah dan Muwatta' Malik. Sementara pada sebelah malamnya dibacakan kitab-kitab Fiqh dan Usuluddin. Dan selepas solat Subuh setiap pagi dibacakan kitab-kitab jawi (Rohaizan Baru, 2006).

Haji Lambak atau lebih mesra dikenali penduduk kampung sebagai Haji Ambak telah memulakan pengajaran Hadis ini sejak tahun 1989. Kitab-kitab induk Hadis yang digunakan oleh beliau telah mengalami beberapa kali pengulangan. Sementara dalam bidang Fiqh, beliau mengajar kitab Fiqh Syafie bawahan, *Muhazzab*, *Al-Um*, *Tafsir Baidawi* dan lain-lain lagi.

Kitab *al-Um* merupakan karangan Imam kita, iaitu Imam Syafie Rahimahullah. Ia menjadi rujukan utama ulama-ulama dalam mengajarkan hukum-hakam syariat. Selain itu, kitab tersebut juga menjadi panduan utama kepada tokoh-tokoh ulama besar seperti Sheikh Ahmad al-Fatani dalam mengeluarkan sesuatu fatwa (Muhammad Adib Samsudin & Mohammad Zaini Yahaya, 2011).



RAJAH 4: Surau Haji Abbas

## SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Dengan berpegang kepada prinsip hidup mesti beramal, berbakti dan berkorban demi mencapai keredhaan Allah, Tok guru telah mengorak langkah pertama dengan mengasaskan sebuah pondok di kampung kelahirannya sendiri. Pondok ini diberi nama Jamiah Diniyah.

Selain itu, pada tahun 1938, beliau telah mengajar di pondok yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir di Jerneh. Bilangan pelajar ketika itu adalah seramai 100 orang. Menjelang tahun 1940, bilangan pelajarmakin meningkat dan mencecah 500 orang (Mohd Zainodin Mustaffa et al, 2017).

Kemudian, bersama-sama dengan beberapa ulama lain, beliau membuka sebuah lagi pondok di Kampung Raja, Besut iaitu Madrasah Nurul Ittifaq dan seterusnya membuka satu lagi pusat pengajian yang diberi nama Darul Adib Al-Khursani di Kuala Besut.

Semenjak Tok Guru Haji Abbas membuka pondoknya, beliau memulakan pengajaran Hadis dengan menggunakan kitab Sahih al-Bukhari dan *Bulugh al-Maram* (Rohaizan Baru, 2006). Gerakan pendidikan dan dakwah tokoh tidak terhad di kawasan Besut sahaja, malah melewati sempadan Bukit Yong di Negeri Kelantan Darul Naim dengan membuka beberapa buah pondok mulai tahun 1945.

Seterusnya dari Kelantan beliau berhijrah ke Kuala Terengganu dan mengasaskan Pondok Tok Jiring. Kampung Tok Jiring terletak di daerah Kuala Nerus. Kuala Nerus merupakan daerah baru dalam negeri Terengganu Darul Iman. Pengistiharan daerah Kuala Nerus sebagai daerah kelapan dalam negeri Terengganu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 18 September 2014 ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuala\\_Nerus](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuala_Nerus)).

Pondok yang terkenal itu diasaskan pada tahun 1953 dan telah berkembang menjadi sebuah Sekolah Menengah Agama yang kemudiannya kerajaan negeri telah mengambil alih pentadbirannya pada 1962. Pada tahun 1976, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil alih sepenuhnya dan dinaikkan taraf menjadi sebuah sekolah menengah agama yang termoden di Terengganu.

## SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH KLUSTER SMKA DATO' HAJI ABBAS

Seperti yang dimaklumi, di Malaysia terdapat pelbagai jenis sekolah seperti Sekolah Berprestij Tinggi, Sekolah Kluster Kecemerlangan dan lain-lain. Idea penganugerahan dan pengiktirafan status Sekolah Kluster Kecemerlangan telah terkandung dalam Bab 9, Pelan

Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Pelan ini telah dilancarkan pada 16 Januari 2006. Sehingga Julai 2014, sebanyak 291 buah sekolah telah diisytiharkan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan. Sekolah Kluster atau disebut juga Kluster Kecemerlangan bermaksud satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Ia diwujudkan bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kluster\\_Kecemerlangan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kluster_Kecemerlangan)).

Terdapat pelbagai syarat pemilihan bagi melayakkan sesebuah sekolah itu menjadi sekolah kluster. Antara syaratnya adalah kecemerlangan murid dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah, pengurusan sekolah berwawasan dan berkesan dan pembangunan sumber terurus dan digunakan secara optimum. Selain itu, pemimpin sekolah juga perlu mengamalkan kepimpinan berkualiti. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, iklim sekolah kondusif untuk pembangunan modal insan, keberkesanan pelaksanaan program Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan sekolah berperwatakan turut menjadi ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kluster\\_Kecemerlangan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kluster_Kecemerlangan)).

Secara umumnya, SMKA Dato' Haji Abbas berjaya melepasi syarat-syarat kelayakan dan telah mendapat pengiktirafan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan pada tahun 2013 dalam Kebitaraan Akademik (Bahasa Arab) dan Kokurikulum (Catur). Berbalik kepada sejarah penubuhannya, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Pondok Haji Abbas telah berkembang dengan majunya dan selaras dengan itu, namanya turut ditukarkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring.

Pada awal pembukaannya iaitu pada tahun 1953, jumlah pelajarinya adalah seramai 180 orang. Pada ketika itu, Tok Guru Haji Abbas sebagai pengetuanya sehingga tahun 1958. Pada tahun 1965, sekolah ini telah diletakkan di bawah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu manakala sistem pengajian pondok telah ditukar kepada sistem pengajian agama dan arab.

Dalam tahun 1970-an, perubahan dan penambahbaikan dalam pendidikan telah berlaku. Banyak penambahbaikan telah dilakukan kepada kurikulum sekolah kebangsaan sehingga melahirkan sekolah kebangsaan aliran agama atau SMKA. Ia adalah hasil daripada campur tangan kerajaan ke atas madrasah atau pondok untuk dijadikan sekolah-sekolah aliran kebangsaan agama dengan mengubahsuai kurikulumnya agar selari dengan dasar dan falsafah pendidikan negara. Antara sekolah yang terhasil melalui sistem ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring atau kini nama barunya SMKA Dato' Haji Abbas (Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri bin Ibrahim, 2015).

Pada tanggal 1 Julai 1977 menjadi tarikh keramat apabila sekolah ini diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1982, sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah gred A.

Dalam sejarahnya selama kira-kira setengah abad, sekolah ini berkembang maju menjadi sebuah institusi pendidikan terkemuka di Terengganu setanding dengan sekolah-sekolah ternama di tanah air. Nama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring telah ditukarkan kepada nama baru sempena nama pengasas sekolah ini iaitu Tok Guru Haji Abbas. Nama baru SMKA Tok Jiring ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abbas berkuatkuasa mulai 11 Februari 2014 (<http://smkadha.edu.my/V1/index.php/utama/sejarah-smkadha>).



Kini, Sekolah Kluster Kecemerlangan ini juga mempunyai polisi tersendiri. Polisi bagi guru ialah mendidik pelajar-pelajar adalah amanah, manakala bagi murid ialah menuntut ilmu adalah amanah. Berbekalkan visi sekolah yang baru 'Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera' (<http://www.smkadha.edu.my/V1/index.php/utama/visi-misi-polisi>),

sekolah ini diketuai oleh Anisah A.Mubin, Ijon (PK pentadbir), binti Ab sebagai PK Hasnan bin Wahab PK kokurikulum



diketahui binti Ramli bin

Norzihan Karim HEM dan Abdul sebagai

(<http://www.smkadha.edu.my/V1/index.php/utama/pentadbir-smkadha>).

Sesungguhnya mereka bukanlah calang-calang guru kerana pemimpin sekolah kluster perlu terdiri daripada Pengetua gred DG 52 atau Guru Besar gred DG 36, pemimpin yang terpilih memenuhi syarat pemimpin cemerlang dan jawatan Pengetua atau Guru Besar adalah jawatan berasaskan sekolah. Sementara guru-guru sekolah kluster pula terdiri daripada mereka yang memenuhi kriteria Guru Cemerlang. Hal ini kerana prestasi mereka akan menentukan kedudukan mereka di Sekolah Kluster. Selain itu, boleh mendapatkan perkhidmatan pakar mengikut bidang kebitaraan sekolah dalam bidang kokurikulum secara kontrak atau sambilan dan nisbah kelas dengan guru ialah 1:2. Ini bermaksud sebuah kelas bersamaan dengan 2 orang guru ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kluster\\_Kecemerlangan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kluster_Kecemerlangan)).

RAJAH 5: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abbas

### **KEISTIMEWAAN TOKOH**

Keistimewaan Tok Guru Haji Abbas juga terserlah melalui beberapa hasil karya ilmiah dalam bidang keagamaan (<https://smkatj2010.blogspot.com/>). Penghasilan karya ilmiah tersebut telah mempengaruhi beliau dalam penerimaan anugerah dan darjah kebesaran di negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, karya-karya tersebut tidak dapat dikenalpasti. Penulisan tentang beliau hanya menjelaskan karya secara umum tanpa ada perincian tajuk dan sebagainya. Justeru, diharapkan penulisan seterusnya dapat meneroka khazanah peninggalan Tok Guru Haji Abbas.

Selain itu, Tok Guru Haji Abbas juga merupakan orang pertama yang memulakan pengajaran dalam bidang Hadis secara khusus. Tidak hairanlah beliau berjaya memperolehi sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW daripada ulama-ulama terkemuka di India.

Menurut menantunya, Ustaz Haji Lambak bin Ibrahim yang telah lama berkecimpung dalam bidang Hadis, tidak ada seorang ulama pun di Negeri Terengganu yang betul-betul mendalami ilmu Hadis dan mengajar ilmu tersebut kepada masyarakat selepas pemergian Tok Guru Haji Abbas. Masyarakat kini menurutnya lagi, memang tidak mempunyai maklumat yang banyak tentang ilmu Hadis, apatah lagi untuk memahami masalah-masalah yang lebih terperinci dalam Mustalah al-Hadith (Rohaizan Baru, 2006).

### **ANUGERAH YANG DIPEROLEHI TOKOH**

Atas segala bakti yang dicurahkan kepada masyarakat Terengganu umumnya, maka kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman telah mengistiharkannya sebagai Tokoh Ulama' dalam Majlis Sambutan Ma'al Hijrah tahun 1409 bersamaan tahun 1989. Penghargaan itu adalah sebagai mengenang jasa Tok Guru Haji Abbas atas sumbangannya terhadap anak bangsa serta dakwah agama khususnya kepada anak negeri Terengganu.

Pada 17 April 1989 DYMM Tuanku Al Sultan telah berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Terengganu, (DPMT) kepadanya yang membawa gelaran Dato' kepadanya. Lanjutan daripada itu beliau dianugerahkan sebagai Tokoh Guru Terengganu tahun 1990. Pada tahun berikutnya, beliau sekali lagi dianugerahkan sebagai Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://ikantongkol09-tokoh.blogspot.my/2009/06/tuan-guru-haji-abbas-tokoh-ulama-dari.html>).

### **PEMERGIAN TOKOH**

Pada tanggal 1 Julai 1997, Tok Guru Haji Abbas telah kembali ke rahmatullah bersamaan 24 Safar 1418H (<http://ihyaaturaathina.blogspot.com/2013/09/anekdot-ulama-53-tok-guru-haji-abbas.html>).

## KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapatlah disenaraikan anugerah dan penghargaan yang telah diterima oleh tokoh seperti berikut-

1. Tokoh Ulama' dalam Majlis Sambutan Ma'al Hijrah (Tahun 1989)
2. Bintang Kebesaran Negeri Terengganu, (DPMT) (Tahun 1989)
3. Tokoh Guru Terengganu (Tahun 1990)
4. Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan (Tahun 1991)

Sebagai kesimpulannya, kajian telah mengenalpasti perjalanan tokoh dalam menimba ilmu di samping mendedahkan mereka yang pernah berguru dengan tokoh seperti Allahyarham Dato' Nik Abdul Aziz, Haji Lambak bin Ibrahim dan lain-lain. Hasil kajian juga mendapati bahawa Tok Guru Haji Abbas bukan sahaja perintis kepada Pondok Tok Jiring malahan turut mengasaskan beberapa tempat belajar di Terengganu dan Kelantan di samping menghasilkan beberapa karya ilmiah. Sewajarnya kita mencontohi tokoh dalam kesungguhan menimba ilmu pengetahuan dan pakar dalam pelbagai bidang.

## RUJUKAN

- Faizuri Abd. Latif. 2016. Sumbangan Tuan Guru Haji Omar Ahmad dalam Bidang Keilmuan di Terengganu. *Jurnal Usuluddin*, 23, 217-238. Muat Turun 10 Julai 2019, dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4256>.  
<http://ihyaaturaathina.blogspot.my/2013/09/anekdot-ulama-53-tok-guru-haji-abbas.html>.  
Tarikh akses 1 Jun 2019.  
<http://ikantongkol09-tokoh.blogspot.my/2009/06/tuan-guru-haji-abbas-tokoh-ulama-dari.html>.  
Tarikh akses 1 Jun 2019.  
[http://kakyonghy.blogspot.my/2015\\_02\\_01\\_archive.html](http://kakyonghy.blogspot.my/2015_02_01_archive.html). Tarikh akses 1 Jun 2019.  
[http://tikimambang.blogspot.my/2016/06/tok-guru-haji-abbas-guru-agama-dan\\_27.html](http://tikimambang.blogspot.my/2016/06/tok-guru-haji-abbas-guru-agama-dan_27.html). Tarikh akses 30 Mei 2019.  
<http://www.smkadha.edu.my/V1/index.php/utama/pentadbir-smkadha>. Tarikh akses 01 Julai 2019.  
<http://www.smkadha.edu.my/V1/index.php/utama/sejarah-smkadha>. Tarikh akses 01 Julai 2019.  
<http://www.smkatokjiring.org/> Tarikh akses 05 Julai 2019.  
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuala\\_Nerus](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuala_Nerus). Tarikh akses 01 Julai 2019.  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Melayu>. Tarikh akses 7 Julai 2019).  
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Kluster\\_Kecemerlangan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Kluster_Kecemerlangan). Tarikh akses 1 Mei 2017.  
<https://smkatj2010.blogspot.com/> Tarikh akses 05 Julai 2019.  
Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri bin Ibrahim. 2015. Institusi Pendidikan Islam Dan Fungsinya Sebagai Sumber Pengetahuan Ilmu Faraid Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 49-67.  
Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly. 2017. Sejarah
- ISSN 1675-7513

- Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut Terengganu Darul Iman. Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017). Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka, September.
- Muhammad Adib Bin Samsudin & Mohammad Zaini Bin Yahaya. 2011. Pemikiran Usul Fikah Syeikh Ahmad Al-Fatani Dalam Kitab Al-Fatawa Al-Fataniyyah. *Jurnal Melayu*, 7, 173 – 192.
- Muhammad Adib Samsudin, Mohammad Zaini Yahaya & Hairulazam Ab Rahman. 2010. Metod Penulisan Kitab Matla' Al-Badrayn Wa Majma' Al-Bahrayn. *Jurnal Melayu*, 5, 147-161.
- Nasrun Alias & James T. Collins. 2017. Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu Sebagai Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 438-457.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2009. *Bertemu Janji Allah*. Petaling Jaya: Penerbit Anbakri Publika.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2015. *Bunga Kebahagiaaan*. Petaling Jaya: Penerbit Anbakri Publika.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2015. *Taqwa*. Petaling Jaya: Penerbit Anbakri Publika.
- Rohaizan Baru. 2006. Perkembangan Ilmu Hadis Di Negeri Terengganu Darul Iman. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, 91-116.

**Biodata Penulis:**

Siti Zaleha binti Ibrahim merupakan pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Phayilah Yama merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Mohd Faisal bin Mohamed merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (UM).